

Topik 14: Kesalahan Besar Amerika Mengenai Israel

Ada banyak sebab atas masalah yang berlaku di dunia sekarang ini, tetapi salah satu daripadanya mungkin mengejutkan anda. Pernahkah anda terfikir mengapakah Amerika Syarikat menolong kerajaan Israel untuk melawan Palestin? Inilah sebabnya:

Ramai diantara para mubaligh di Amerika percaya bahawa orang Israel adalah umat pilihan Allah. Mereka percaya bahawa Allah telah memberikan tanah Pelestin kepada orang Israel dan barangsiapa yang menolong orang Israel, mereka juga akan diberkati Allah. Dan seperti yang anda bayangkan, ratusan juta dolar Amerika disumbangkan kepada Israel untuk membantu mereka berperang melawan Palestin.

Tetapi apa yang lebih menarik, nabi Daniel telah meramalkan bahawa suatu hari nanti, Allah tidak lagi berkenan dengan Israel. Persoalannya ialah bilakah orang Israel kehilangan status sebagai umat pilihan Allah? Para nabi menjelaskan bahawa mereka kehilangan status mereka tidak lama selepas mereka menolak Mesias.

Pada masa itu, nabi Daniel mempelajari tulisan nabi Yeremia. Disana dia lihat catatan yang mengatakan bahawa umat Israel dihukum selama tujuh puluh tahun. Dalam pengiraannya, tujuh puluh tahun itu hampir selesai. Itu merupakan sesuatu yang sangat menarik. Namun Daniel bimbang jika orang Israel telah menyakiti hati Allah lalu Allah memanjangkan masa untuk menghukum mereka, lalu Daniel pun mula berdoa.

Pada tahun pertama kerajaannya itu aku, Daniel, memperhatikan dalam kumpulan Kitab jumlah tahun yang menurut firman Tuhan kepada nabi Yeremia akan berlaku atas timbuanan puing Yerusalem, yakni tujuh puluh tahun. Lalu aku mengarahkan mukaku kepada Tuhan Allah untuk berdoa dan memohon, sambil berpuasa dan mengenakan kain kabung serta abu. Maka aku memohon kepada Tuhan, Allahku, dan mengaku dosaku, demikian:" Ah Tuhan, Allah yang maha besar dan dahsyat, yang memegang perjanjian dan kasih setia terhadap mereka yang mengasihi Engkau serta berpegang kepada perintah- Mu! Kami telah berbuat dosa dan salah, kami telah berlaku fasik dan memberontak, kami telah menyimpang dari perintah dan peraturan- Mu dan kami tidak taat kepada hamba- hamba- Mu, para nabi yang

telah berbicara diatas nama- Mu kepada raja- raja kami, kepada pemimpin- pemimpin kami, kepada bapa- bapa kami dan kepada segenap rakyat negeri.
(Daniel 9: 2-6)

Kerendahan hati dan kesungguhan Daniel membuatkan doanya sangat efektif. Dia mengakui bahawa dirinya dan orang Israel tidak taat kepada Allah. Lalu Allah pun mengirimi malaikat kepada Daniel untuk menjelaskan pernyataannya yang sebenar. Pertama, malaikat itu membawa Daniel untuk memikirkan penglihatan yang telah dia terima sebelum ini (Daniel 8). Malaikat itu juga mengarahkan Daniel untuk membayangkan penglihatan itu dan memikirkan bilakah masa itu akan digenapi.

Apabila sekumpulan orang seperti orang Israel dan Melayu mengaku bahawa mereka mengikuti perintah Allah dan menghormati Dia, mereka mengaku bahawa hidup mereka adalah suci dan tidak bercela. Apabila manusia itu tidak bermoral, kejam dan tidak bersih, mereka akan menimbulkan kemarahan Allah. Salah satu dari rasul Allah menulis sedemikian:

Lalu murka Allah nyata dari syurga atas segala kefasikkan dan kelaliman manusia yang menindas kebenaran dengan kelaliman, kerana apa yang dapat mereka ketahui tentang Allah, nyata bagi mereka, sebab Allah telah menyatakannya kepada mereka (Roma 1:18, 19)

Jika itu yang diterangkan kepada Daniel, mengapa ramai orang Kristian di Amerika berfikir bahawa orang Israel itu sangat istimewa? Mereka telah melakukan kesilapan yang biasanya akan berlaku. Apabila Allah memberkati Abraham, ramai orang seperti orang Israel, Muslim, Kristian, berfikir bahawa Allah memberkati keturunan Abraham secara fizikal (sama ada keturunan di sebelah Ismail atau Abraham.) Tetapi hakikatnya, Allah hanya memberkati mereka yang berjalan dalam iman seperti Abraham. Kira- kira dua ribu tahun yang lalu, salah seorang dari nabi menimbulkan rasa marah orang Israel kerana mengatakan:

Jadi kamu lihat, bahawa mereka yang hidup dari iman, mereka itulah anak- anak Abraham. Dan kitab suci, yang sebelumnya mengetahui, bahawa Allah membenarkan orang- orang bukan Yahudi oleh kerana Iman, telah terlebih dahulu memberitakan injil kepada Abraham: "Olehmu segala bangsa akan diberkati." Jadi mereka yang hidup dari iman, merekalah yang diberkati bersama- sama dengan Abraham yang beriman itu. Galatia 3:7-9

Sudah tentu, hanya mereka yang mengikuti iman Abraham yang dapat menyenangkan hati Allah Abraham. Disebabkan inilah, mengapa orang Israel, walaupun mereka disenangi oleh kebanyakan rasul, diberikan limit masa. Apabila mereka telah memenuhi bayangan cawan itu, iaitu cawan yang menyukat tahap kekejian mereka, hukum Allah akan menimpa ke atas mereka.

Bilakah cawan itu akan diisi penuh? Daniel diberikan jawapan itu.




Chart of the 2300 days prophecy

Masihkah anda ingat dalam penglihatan sebelum ini, nabi Daniel melihat bahawa 2300 hari itu berlaku diantara waktu semasa pemerintahan Persia dimana kerajaan itu membina semula kota Yerusalem dan kaabah suci hinggalah masa penghakiman di syurga dimana Allah akan membuat kerja pembersihan di dunia ini.

Sekarang malaikat itu memberitahu Daniel bahawa 490 tahun itu akan dikecualikan untuk orang Israel untuk membersihkan dosa mereka. (Daniel 9:24) 490 tahun ini akan dikecualikan dari 70 tahun.

- Tujuh pusingan akan diambil untuk membina semula kota Yerusalem
- 62 pusingan seterusnya adalah ketibaan Mesias
- Semasa pusingan terakhir itu, Mesias akan dibunuh.

Sementara aku berbicara dalam doa, terbanglah dengan cepat kea rahku Gabriel, dia yang telah kulihat dalam penglihatan yang dahulu itu pada waktu persembahan korban petang hari. Lalu dia mengajari aku dan berbicara dengan aku: "Daniel sekarang aku datang untuk memberi akal budi kepadamu supaya engkau mengerti. Ketika engkau mulai menyampaikan permohonan keluarlah suatu firman, lalu aku datang untuk memberitahunya kepadamu, sebab engkau sangat dikasihi. Jadi camkanlah penglihatan itu dan perhatikanlah penglihatan itu! Tujuh puluh kali tujuh masa telah ditetapkan atas bangsamu dan atas kotamu yang kudus, untuk melenyapkan kefasikan, untuk mengakhiri dosa, untuk menghapuskan kesalahan, untuk mendatangkan keadilan yang kekal, untuk menggenapkan penglihatan dan nabi, dan untuk mengurapi maha kudus. Maka ketahuilah dan fahamilah: dari saat firman itu keluar, yakni bahawa Yerusalem akan dipulihkan dan dibangun kembali,

sampai pada kedatangan seorang yang diurapi, seorang raja, ada tujuh kali tujuh masa; dan enam puluh dua kali tujuh masa lamanya kota itu akan dibangun kembali dengan tanah lapang dan paritnya, tetapi di tengah-tengah kesulitan.
(Daniel 9:21-26)

Untuk terjemahan alkitab yang lebih tepat, anda boleh membaca alkitab dalam bahasa English secara online. Anda hanya taip " Daniel 9:21- 26 versi English" dan Google akan mempamerkan isi kandungan alkitab itu kepada anda.

Pendek kata, Allah memberkati Abraham dan menjadikan dia sebagai bapa kepada banyak bangsa. Tetapi siapakah yang akan diberkati seperti Abraham? Adakah berkat itu akan jatuh kepada semua keturunannya sahaja? Tidak sama sekali. Berkat itu akan jatuh kepada semua orang yang mempunyai iman yang sama seperti Abraham.

Keturunan Abraham dipilih untuk menjadi umat pilihan Allah dan mereka diberi kepercayaan untuk menyebarkan kasih Allah kepada bangsa lain. Orang Israel diberikan masa selama 490 tahun untuk mempelajari iman yang sempurna dan bertaubat dan berpaling dari membuat kejahatan. Tetapi sebaliknya mereka menolak pelawaan Allah dan berkeras untuk hidup menurut kehendak mereka sendiri. Mereka telah memenuhi cawan murka Allah.

Dalam siri yang seterusnya kita akan membuat pengiraan dan lihat bilakah Mesias akan datang dan bila orang Israel menolak untuk menjadi umat pilihan Allah.